

26 NOV 1999

Mahathir-Kelantan

KELANTAN BUKTI TIDAK SEMUA KERAJAAN BERKESAN

PASIR MAS, 26 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan Pas Kelantan merupakan suatu bukti bahawa tidak semua pihak yang dapat membentuk kerajaan mampu mentadbir negeri dengan baik dan berkesan.

Perdana Menteri berkata, kerana itu Kelantan yang mempunyai penduduk yang pintar dan bijak, gagal mewujudkan pembangunan dan peluang pekerjaan sehingga rakyat Kelantan terpaksa mencari rezeki di negeri lain.

"Jadi dakwaan Pas selama ini bahawa mana-mana juga kerajaan akan membangunkan negara adalah tidak benar," katanya ketika merasmikan peletakan batu asas jambatan Tendong-Wakaf Che Yeh dekat sini, hari ini.

Beliau berkata, bukan semua kerajaan dapat menyediakan peluang pekerjaan termasuklah di beberapa negara jiran yang mengakibatkan dua juta rakyat asing bertumpu ke Malaysia untuk mencari rezeki.

Katanya, jika kerajaan Pas dapat mewujudkan peluang kerja tentunya cerdik pandai anak Kelantan tidak berhijrah ke tempat lain untuk bekerja.

Dr Mahathir yang memakai sut Melayu warna cerah dan "semutar" berkata di negeri-negeri lain di Malaysia kerap dilihat bagaimana kerajaan persekutuan dapat melaksanakan pelbagai projek untuk kebaikan rakyat dengan sempurna.

Katanya, begitu juga di Kelantan semasa diperintah kerajaan perikatan dan kemudiannya kerajaan Barisan Nasional (BN) banyak juga dilaksanakan projek kemudahan asas seperti sekolah, hospital dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), yang menelan belanja besar.

Menurutnya, pembinaan jambatan ketiga merentangi Sungai Kelantan berharga RM166 juta itu juga bukanlah mudah kerana ia memerlukan wang, perancangan yang baik dan pelaksanaan yang terjaga, yang kesemuanya tidak dapat diadakan oleh kerajaan PAS Kelantan.

"Kita harus ingat bahawa untuk melaksanakan projek seperti ini tidaklah mudah. Bukan semua kerajaan di dunia mempunyai kewangan yang cukup dan kalau ada wang pun tidak cekap pula mengurus yang mengakibatkan projek terbengkalai," katanya.

Beliau berharap rakyat Kelantan dapat melihat sendiri dan menghargai projek itu serta projek tebatan banjir yang dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan di lembangan Sungai Kelantan yang akan melibatkan kos RM1.5 bilion.

Perdana Menteri berkata, kerajaan Barisan Nasional bukan sahaja berjanji tetapi menjanjikan apa yang mampu dilaksanakannya.

Katanya, PAS bagaimanapun menjanjikan segala-galanya kepada rakyat semata-mata untuk memancing undi, sambil memberi contoh kononnya sesiapa yang memangkah BN akan masuk neraka selama lima tahun.

"Macam mana dia (PAS) tahu, benda ni bukan dia yang nak buat penilaian, bukan dia yang nak menilai sama ada kita baik atau buruk, bukan parti PAS, dia tak ada kuasa sama-sekali," kata beliau, disambut tepukan gemuruh daripada ribuan hadirin.

Beliau berkata, PAS juga membuat bermacam-macam janji lain yang sememangnya parti itu tahu ia tidak dapat melaksanakannya dan janji-janji seperti pergi ke syurga atau neraka yang sememangnya, "kita tidak berpeluang nak pastikan ia betul".

Dr Mahathir juga memberi contoh janji PAS untuk mendirikan negara Islam dan melaksanakan hukum Hudud yang ia tahu tidak dapat dilaksanakannya kerana untuk tujuan itu PAS perlu menguasai meyoriti dua per tiga di Dewan

Rakyat, sedangkan jumlah calon yang diletakkannya pun tidak mencukupi.

Apatah lagi untuk tujuan itu PAS terpaksa mendapatkan sokongan daripada DAP dan Keadilan yang sebenar-benarnya ia tahu tidak akan menyokongnya, katanya.

"Bahawa PAS tahu DAP dan Keadilan tidak akan menyokong, tidaklah menghalang PAS daripada berjanji di Kelantan, Terengganu dan Kedah, kononnya ia hendak mendirikan negara Islam dan melaksanakan hukum Hudud," katanya.

Dr Mahathir berkata para pemimpin PAS "lidah bercabang" dan tidak boleh dipercayai kerana parti itu akan menggunakan apa jua taktik dan janji untuk menakut-nakutkan rakyat supaya mengundi PAS.

Beliau mengingatkan rakyat terutamanya yang beragama Islam bahawa semua orang Islam takut hendak membuat dosa.

"Jangan sekali-kali terperangkap dengan PAS yang sering menyandarkan kata-katanya kepada Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, PASlah yang sebenarnya menolak ajaran Islam kerana dengan beraninya mengkafirkan orang UMNO sedangkan Islam menganjurkan bahawa semua umatnya adalah bersaudara.

Dr Mahathir berkata PAS juga mengajar rakyat supaya jangan berterima kasih kepada kerajaan BN yang telah banyak menyediakan peluang pekerjaan dan bantuan melanjutkan pelajaran.

Sambil menyifatkan sikap fanatik penyokong PAS yang menutup mata dan telinga terhadap kebaikan dan kejayaan kerajaan BN, beliau menganggapnya sebagai kejadian yang malang kerana mereka menolak penerangan yang cuba diberikan bagi membetulkan mereka.

"Mereka terlalu percaya kepada apa yang dikatakan oleh pemimpin mereka sehingga tidak nampak lagi keburukan pemimpin mereka...apa juga kebenaran yang kita tunjukkan kepada mereka, mereka tolak," katanya.

Beliau meminta penyokong PAS supaya berfikir dan membuat penilaian sendiri terhadap kebenaran di sekeliling mereka dan jangan mengikat diri sebegitu sekali kepada pemimpin.

Sebelum itu, ketibaan Dr Mahathir diberi sambutan tradisional dengan perarakan bunga manggar, paluan rebana dan rebab serta pertunjukan silat dan tomoi oleh penduduk tempatan yang kelihatan begitu gembira dapat bertemu dengan Perdana Menteri.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, Pengerusi BN Kelantan Datuk Annuar Musa, Setiausaha Agung UMNO Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed dan calon-calon BN bagi Parlimen Pasir MAS, Dewan Undangan Negeri (DUN) Wakaf Bharu, Pengkalan Pasir dan Tendong, turut hadir.

Jambatan ketiga yang menghubungkan Tendong ke Wakaf Che Yeh di seberang Sungai Kelantan, telah dilaksanakan pada Jun lepas dan dijangka siap pada Oktober 2002.

Projek tebatan banjir di lembangan Sungai Kelantan yang akan menyediakan 2,000 peluang pekerjaan, dapat mengawal banjir di lebih 80 peratus kawasan tumpuan penduduk.

-- BERNAMA

BD MNY MAI